



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Tarikh kuatkuasa: 12 Ogos 2022**

**GARIS PANDUAN KEPADA BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN  
GUIDELINES NO. SYAFI/G/04/2022**

**PIAWAIAN SYARIAH MUDHARABAH**



## Isi Kandungan

|                                                                                      |    |
|--------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 1. PENGENALAN.....                                                                   | 3  |
| 2. DEFINISI .....                                                                    | 3  |
| 3. DEFINISI DAN KEHARUSAN KONTRAK <i>MUDHARABAH</i> .....                            | 6  |
| 4. KEPERLUAN UMUM KONTRAK <i>MUDHARABAH</i> .....                                    | 8  |
| 5. PENYATUAN KONTRAK <i>MUDHARABAH</i> DENGAN KONTRAK <i>SYARI'AH</i> YANG LAIN..... | 11 |
| 6. PEMBUBARAN KONTRAK <i>MUDHARABAH</i> .....                                        | 12 |
| LAMPIRAN 1: STRUKTUR KONTRAK <i>MUDHARABAH</i> .....                                 | 14 |
| LAMPIRAN 2: AKAUN SIMPANAN BERDASARKAN KONTRAK <i>MUDHARABAH</i> .....               | 15 |
| LAMPIRAN 3: PEMBIAYAAN BERDASARKAN KONTRAK <i>MUDHARABAH</i> .....                   | 16 |
| LAMPIRAN 4: STRUKTUR TAKAFUL BERDASARKAN <i>MUDHARABAH</i> .....                     | 18 |
| LAMPIRAN 5: STRUKTUR SUKUK <i>MUDHARABAH</i> .....                                   | 20 |



## 1. PENGENALAN

- 1.1 Garis panduan piawaian Syariah *Mudharabah* (“Garis panduan”) ini dikeluarkan di bawah bab 32 Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010 dan terpakai untuk Bank dan institusi Kewangan.
- 1.2 Garis panduan ini adalah bertujuan menjadi rujukan dalam mewujudkan amalan terbaik dalam menstrukturkan produk kewangan yang menggunakan kontrak *Mudharabah* serta menjaga kepentingan pengguna.
- 1.3 Bank dan Institusi Kewangan yang dikawal selia oleh Pihak Berkuasa, yang menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam hendaklah mematuhi dasar-dasar yang dinyatakan di dalam garis panduan ini.
- 1.4 Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama Notis dan Garis panduan lain yang telah dikeluarkan oleh pihak Berkuasa, secara khusus:
  - 1.4.1 Notice on Application Process of Islamic Product (IFAU/N/01/2022);
  - 1.4.2 Notice and Guidelines on Syariah Governance Framework for Financial Institutions (IFAU/N/1/2018 and IFAU/G/2/2018); dan
  - 1.4.3 Notice and Guidelines on Internal Syariah Audit Framework for Financial Institutions (IFAU/N/2/2018 and IFAU/G/3/2018).
- 1.5 Garis panduan ini adalah tidak terhad dan boleh dikemaskini dari masa ke masa mengikut kesesuaian yang difikirkan oleh Pihak Berkuasa.
- 1.6 Mana-mana isu baru yang tidak terkandung dalam garis panduan ini hendaklah dirujuk kepada Hukum *Syara`*.
- 1.7 Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Piawaian Syariah Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, maka Piawaian Syariah Bahasa Melayu adalah terpakai.
- 1.8 Garis panduan ini berkuatkuasa pada 14 Muharram 1444 / 12 Ogos 2022.

## 2. DEFINISI

- 2.1 Bagi tujuan Piawaian ini:
  - 2.1.1 “Aset *Mudharabah*” bermaksud aset yang dihasilkan secara usaha niaga *Mudharabah*;
  - 2.1.2 “Badan Penasihat Syariah” bermaksud badan yang ditubuhkan di bawah keperluan:



- (a) bab 8(2)(g) Perintah Perbankan Islam, 2008;
  - (b) bab 10(1)(e) Perintah Takaful, 2008;
  - (c) bab 23(2) Perintah Pasaran Sekuriti, 2013;
  - (d) bab 14 Akta Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Penggag 163);  
dan
  - (e) bab 6(2)(g) Akta Syarikat Pembiayaan (Penggag 89).
- 2.1.3 “Bank” mempunyai makna yang sama di bawah bab 2 Brunei Darussalam Central Bank Order, 2010;
- 2.1.4 “*Hibah*” bermaksud pemberian sesuatu harta hak kepunyaan pemberi hibah yang dibuat semasa hayatnya secara sukarela kepada penerima hibah tanpa apa-apa imbalan;
- 2.1.5 “Hukum Syara ” mempunyai makna yang sama di bawah bab 2 Perintah Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah (LPKS), 2006;
- 2.1.6 “*Ijab*” bermaksud ucapan tawaran;
- 2.1.7 “*Ijma*” bermaksud kesepakatan para mujtahid dari umat Nabi Muhammad *Shallallahu ‘alaihi wasallam* pada suatu masa setelah wafat Baginda terhadap hukum sesuatu menurut *Syara* `;
- 2.1.8 “Institusi Kewangan” mempunyai makna yang sama di bawah bab 2 Perintah Brunei Darussalam Central Bank, 2010, yang menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam termasuk perniagaan perbankan Islam, perniagaan takaful, perniagaan kewangan Islam, perniagaan pembangunan kewangan Islam dan perniagaan lain dan juga termasuk Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Penggag 163);
- 2.1.9 “*Kaafil*” bermaksud penjamin;
- 2.1.10 “*Kafalah*” bermaksud jaminan;
- 2.1.11 “Kerugian” adalah kekurangan dari nilai modal;
- 2.1.12 “Keuntungan” merupakan pertambahan nilai di atas modal yang ditentukan berdasarkan metodologi yang boleh diterima oleh amalan pasaran;
- 2.1.13 “Modal” merupakan aset yang disediakan oleh *Rabbul Mal* dan diserahkan kepada *Mudharib* bagi tujuan usaha niaga *Mudharabah*;



- 2.1.14 “*Mudharib*” bermaksud usahawan dalam usaha niaga *Mudharabah*;
- 2.1.15 “*Muqayyadah*” bermaksud terhad;
- 2.1.16 “*Musarakah*” bermaksud kontrak perkongsian antara dua pihak atau lebih. Semua pihak akan berkongsi keuntungan dan menanggung kerugian daripada perkongsian tersebut;
- 2.1.17 “*Muthlaqah*” bermaksud tidak terhad;
- 2.1.18 “Nisbah perkongsian keuntungan” bermaksud nisbah bagi keuntungan yang dikongsi bersama antara *Rabbul Mal* dan *Mudharib*;
- 2.1.19 “Pihak Berkuasa” Brunei Darussalam Central Bank yang ditubuhkan di bawah bab 3(1) dari Brunei Darussalam Central Bank Order, 2010;
- 2.1.20 “*Qabul*” bermaksud ucapan penerimaan;
- 2.1.21 “*Rabbul Mal*” bermaksud pemberi modal;
- 2.1.22 “*Sukuk*” bermaksud sijil yang menunjukkan pemilikan atau pelaburan ke atas aset yang patuh *Syara*;
- 2.1.23 “*Takaful*” mempunyai makna yang sama di dalam bab 2 (1) Perintah *Takaful*, 2008;
- 2.1.24 “Usaha niaga *Mudharabah*” bermaksud perniagaan atau aktiviti yang menjana keuntungan yang dijalankan oleh *Mudharib* dalam menguruskan modal yang disediakan oleh *Rabbul Mal*;
- 2.1.25 “*Wa’d*” bermaksud janji atau komitmen yang diberikan oleh satu pihak kepada pihak yang lain untuk menjalankan tugas-tugas tertentu pada masa hadapan;
- 2.1.26 “*Wadi’ah*” bermaksud kontrak yang asetnya disimpan dengan pihak lain untuk disimpan dengan selamat;
- 2.1.27 “*Wakalah*” bermaksud kontrak agensi di mana satu pihak, *Muwakkil* akan melantik pihak yang lain sebagai *Wakeel* dalam melaksanakan sesuatu transaksi bagi pihaknya. Kontrak tersebut boleh dilaksanakan dengan upah atau tanpa upah; dan
- 2.1.28 “*Wakeel*” bermaksud seseorang yang menjalankan urusan perniagaan bagi pihak lain, sama ada dengan upah ataupun tanpa upah.



### 3. DEFINISI DAN KEHARUSAN KONTRAK *MUDHARABAH*

#### Definisi kontrak *Mudharabah*

- 3.1 Kontrak *Mudharabah* merupakan kontrak perkongsian antara *Rabbul Mal* dan *Mudharib* yang mana *Rabbul Mal* akan menyediakan modal kepada usaha niaga yang akan diuruskan oleh *Mudharib*.
- 3.2 Keuntungan yang dijana oleh usaha niaga tersebut akan dikongsi antara *Rabbul Mal* dengan *Mudharib* berdasarkan Nisbah Perkongsian Keuntungan (NPK) yang dinyatakan didalam kontrak. Manakala, sebarang kerugian akan ditanggung oleh *Rabbul Mal* kecuali apabila kerugian tersebut terjadi disebabkan oleh *Mudharib* salah laku, cuai atau melanggar syarat-syarat yang ditetapkan oleh *Mudharib*, maka ianya akan ditanggung oleh *Mudharib*.
- 3.3 Rajah aliran bagi kontrak *Mudharabah* adalah sebagaimana di **Lampiran 1**.

#### Jenis-jenis kontrak *Mudharabah*

- 3.4 *Mudharabah Muthlaqah*
  - 3.4.1 *Mudharabah Muthlaqah* adalah kontrak antara *Rabbul Mal* dengan *Mudharib* yang membenarkan *Mudharib* menguruskan modal *Mudharabah* tanpa mengenakan sebarang had atau syarat tertentu selama mana ianya tidak bertentangan dengan Hukum Syara`.
- 3.5 *Mudharabah Muqayyadah*
  - 3.5.1 *Mudharabah Muqayyadah* ialah kontrak antara *Rabbul Mal* dengan *Mudharib* yang mana *Rabbul Mal* mengenakan had atau syarat tertentu. *Rabbul Mal* boleh menetapkan syarat-syarat di permulaan kontrak dengan menghadkan *Mudharib* seperti penentuan lokasi, tempoh pelaburan, jenis projek dan percampuran dana.
  - 3.5.2 Pihak-pihak yang berkontrak boleh bersetuju untuk menukar jenis kontrak *Mudharabah* yang telah dimeterai kepada kontrak *Mudharabah* yang lain pada bila-bila masa. Sebagai contoh, dari kontrak *Mudharabah Muthlaqah* kepada *Mudharabah Muqayyadah*.

#### Keharusan kontrak *Mudharabah*

- 3.6 Keharusan kontrak *Mudharabah* adalah berdasarkan Al-Qur'an, Hadith dan *Ijma`*.
- 3.7 Al-Qur'an

وَأَآخَرُونَ يَضْرِبُونَ فِي الْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ

“...dan yang lainnya yang bermusafir di bumi untuk mencari rezeki daripada limpah kurnia Allah...” [Al- Muzzammil:20]



Ayat ini dijadikan dalil urus niaga *Mudharabah* dengan mengambil kira keumuman urusan berniaga itu boleh dilakukan dengan sebahagian orang. Urusan berniaga boleh menggunakan modal orang lain dan sebagai ganti mendapat sebahagian daripada keuntungan termasuklah mereka yang bermusafir dengan tujuan urus niaga dan mencari kekayaan yang boleh berlaku dalam bentuk *Mudharabah*.

### 3.8 Hadith

أَنَّ حَكِيمَ بْنَ حِزَامٍ صَاحِبَ رَسُولِ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- كَانَ يَشْتَرِطُ عَلَى الرَّجُلِ إِذَا أَعْطَاهُ مَالًا مُقَارَضَةً فَضَرَبَ لَهُ بِهِ أَنْ لَا تَجْعَلَ مَالِي فِي كَيْدٍ رَطْبَةٍ وَلَا تَحْمِلَهُ فِي بَحْرٍ وَلَا تَنْزِلَ بِهِ فِي بَطْنٍ مَسِيلٍ فَإِنْ فَعَلْتَ شَيْئًا مِنْ ذَلِكَ فَقَدْ ضَمَنْتَ مَالِي.

“Sesungguhnya Hakim bin Hizam *Radhiallahu ‘anhu* [seorang] sahabat Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* telah meletakkan syarat ke atas seorang lelaki. Jika dia menyerahkan [kepadanya] harta [untuk] *Muqaradhah* [*Mudharabah*], lalu dia melaburkan [harta *Mudharabah* itu] baginya [Hakim bin Hizam] dengannya [harta tersebut]. [Dengan katanya]: “Jangan engkau jadikan [laburkan] harta saya pada hati yang lembap [membeli haiwan yang masih hidup], dan tidak membawanya [harta tersebut] ke laut, dan tidak juga engkau turun dengannya di dalam jurang [lembah yang dalam]. Maka jika engkau lakukan sesuatu daripada [semua] itu, maka sesungguhnya engkaulah [yang perlu] menjamin hartaku [itu]”.

[Hadis riwayat Al-Baihaqi - dengan sanad yang kuat] [Sunan ad-Darimi, bab al-Qiradh, hadis No. 3033]

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّهُ قَالَ: كَانَ الْعَبَّاسُ بْنُ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ إِذَا دَفَعَ مَالًا مُضَارَبَةً اشْتَرَطَ عَلَى صَاحِبِهِ أَنْ لَا يَسْلُكَ بِهِ بَحْرًا، وَلَا يَنْزِلَ بِهِ وَادِيًا، وَلَا يَشْتَرِيَ بِهِ ذَاتَ كَيْدٍ رَطْبَةٍ، فَإِنْ فَعَلَ فَهُوَ ضَامِنٌ، فَرَفَعَ شَرْطُهُ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ فَأَجَازَهُ

“Daripada Ibnu Abbas *Radiallahu Anhu* mengatakan: “Dahulunya Al-‘Abbas bin Abdul Muttalib apabila dia menyerahkan hartanya [sebagai modal] untuk diurusniagakan secara *Mudharabah*, beliau mensyaratkan kepada rakan kongsinya agar tidak membawa bersamanya [modal tersebut] melalui laut; dan dia tidak turun bersamanya ke lembah, dan dia tidak membelikannya binatang yang mempunyai hati yang lembap [masih hidup], dan jika dia melakukannya [melanggar syarat tersebut], dia adalah penjamin [jika berlaku kerugian]. Maka syarat tersebut telah dihadapkan kepada Rasulullah [*Shallallahu ‘alaihi wa*



*sallam*] dan Baginda telah membenarkannya”. [Al-Baihaqi, Al-Sunan al-Kubra, jilid 6, m.s.111]].

- 3.9 *Ijma`*  
*U`lama* bersepakat mengenai keharusan kontrak *Mudharabah*.

#### 4. KEPERLUAN UMUM KONTRAK *MUDHARABAH*

##### **Pihak-pihak yang berkontrak berkontrak**

- 4.1 Pihak-pihak yang berkontrak dalam kontrak *Mudharabah* adalah terdiri oleh *Rabbul Mal* dan *Mudharib*.
- 4.2 Mana-mana pihak yang berkontrak termasuk badan korporat, syarikat, badan berkanun, atau persatuan, hendaklah mempunyai kompetensi dalam memeterai setiap kontrak menurut Hukum Syara` dan undang-undang Brunei Darussalam.
- 4.3 Pihak-pihak yang berkontrak dalam boleh melibatkan lebih daripada satu *Rabbul Mal* atau *Mudharib*.
- 4.4 Dalam kontrak *Mudharabah* yang melibatkan lebih daripada satu *Rabbul Mal*, sekiranya *Rabbul Mal* menarik diri dari kontrak *Mudharabah* sebelum tarikh matang, mana-mana *Rabbul Mal* yang dilantik hendaklah bersetuju untuk menyambung tanggungjawab kontrak *Mudharabah* yang sedia ada sebelum penyertaannya.

##### ***Ijab dan Qabul***

- 4.5 *Ijab* dan *Qabul* boleh dinyatakan melalui percakapan, tulisan [dokumentasi] atau mana-mana kaedah lain yang boleh menyatakan sebuah kontrak.

##### **Pengurusan *Mudharabah***

- 4.6 *Mudharib* hendaklah mempunyai hak untuk menguruskan usaha niaga *Mudharabah*.
- 4.7 *Mudharib* bertanggungjawab untuk memastikan pengurusan yang sewajarnya dalam usaha niaga *Mudharabah* dan bertindak demi kepentingan *Rabbul Mal*.
- 4.8 Mandat bagi *Mudharib* hendaklah dinyatakan dalam terma dan syarat kontrak *Mudharabah*.
- 4.9 *Mudharib* boleh menyerahkan hak modal *Mudharabah* di bawah pengurusannya kepada *Mudharib* yang lain dalam kontrak *Mudharabah* lain atau kepada *Wakeel* dengan syarat mendapat persetujuan daripada *Rabbul Mal*.
- 4.10 *Rabbul Mal* tidak boleh terlibat dalam menguruskan usaha niaga *Mudharabah* tetapi dia hendaklah mempunyai hak untuk mendapatkan maklumat yang munasabah berkenaan usaha niaga *Mudharabah* tersebut.





## Modal

- 4.11 Modal *Mudharabah* hendaklah:
- 4.11.1 Diiktiraf oleh Syara' sebagai sesuatu yang bernilai, boleh dikenali dan boleh diserahkan;
  - 4.11.2 Sudah sedia wujud dan dimiliki oleh *Rabbul Mal*;
  - 4.11.3 Boleh dalam bentuk wang tunai atau aset tetap;
  - 4.11.4 Boleh diserahkan secara sekaligus atau berperingkat; dan
  - 4.11.5 Merujuk kepada perenggan 4.11.1 hingga 4.11.4 di atas, hendaklah disahkan dan diluluskan oleh Badan Penasihat Syariah bagi Bank atau Institusi Kewangan tersebut.
- 4.12 Segala jenis hutang yang terhak kepada *Rabbul Mal* tidak boleh dijadikan modal, sama ada berupa hutang daripada *Mudharib* atau pihak ketiga.
- 4.13 Bagi modal berbentuk aset tetap, modal tersebut hendaklah dinilai oleh pihak ketiga yang terdiri daripada pakar, penilai, atau mana-mana orang yang berkelayakan, yang dipersetujui oleh pihak berkontrak, ketika memeterai kontrak *Mudharabah*.
- 4.14 Sekiranya *Mudharib* memasukkan dananya sendiri ke dalam modal dan ada keizinan *Rabbul Mal*, maka kontrak *Mudharabah* hendaklah ditamatkan dan diganti dengan kontrak baru iaitu kontrak *Musyarakah*.
- 4.15 Bagi penyerahan modal secara sekaligus, sekiranya satu atau lebih *Rabbul Mal* gagal untuk menyerahkan modal, pihak-pihak berkontrak yang tidak ingkar mempunyai pilihan sama ada untuk:
- 4.15.1 Meneruskan kontrak *Mudharabah* tersebut dan membuat pindaan terhadap perkara-perkara yang perlu; atau
  - 4.15.2 Menamatkan kontrak *Mudharabah* dan tertakluk kepada kesan penamatan, jika penamatan tersebut membawa kepada kerugian pihak-pihak yang berkontrak, *Rabbul Mal* yang ingkar hendaklah membayar ganti rugi bagi sebarang perbelanjaan yang telah ditanggung akibat kemungkinannya dan ganti rugi tersebut tidak boleh melebihi jumlah modal yang disumbangkan oleh *Rabbul Mal* yang ingkar.
- 4.16 Bagi penyerahan modal secara berperingkat, sekiranya satu atau lebih *Rabbul Mal* gagal untuk menyerahkan modal, pihak-pihak berkontrak yang tidak ingkar mempunyai pilihan sama ada untuk:
- 4.16.1 Meneruskan kontrak *Mudharabah* tersebut tertakluk kepada pindaan terma dan syarat; atau



4.16.2 Meneruskan kontrak *Mudharabah* tersebut dan *Rabbul Mal* yang ingkar menjual bahagian *Mudharabah* yang dimilikinya kepada *Rabbul Mal* lain atau pihak ketiga. *Mudharib* hendaklah mengembalikan modal yang telah dibayar oleh *Rabbul Mal* yang ingkar dan keuntungan yang terhak baginya, jika ada; atau

4.16.3 Menamatkan kontrak *Mudharabah* dan tertakluk kepada kesan penamatan, jika penamatan tersebut membawa kepada kerugian pihak-pihak yang berkontrak, *Rabbul Mal* yang ingkar hendaklah membayar ganti rugi bagi sebarang perbelanjaan yang telah ditanggung akibat kemungkinannya dan ganti rugi tersebut tidak boleh melebihi jumlah modal yang disumbangkan oleh *Rabbul Mal* yang ingkar.

4.17 *Mudharib* tidak boleh menjamin sebarang modal.

### **Keuntungan**

4.18 Keuntungan hendaklah dibahagi mengikut Nisbah Perkongsian Keuntungan (NPK) yang dipersetujui apabila matang usaha niaga *Mudharabah* atau pada satu tempoh yang telah dipersetujui sebelum matang.

4.19 Pembahagian keuntungan tidak boleh dibuat berdasarkan jumlah tetap atau peratusan dari modal.

4.20 NPK hendaklah dipersetujui semasa memeterai kontrak *Mudharabah*.

4.21 NPK boleh disemak semula sepanjang tempoh kontrak *Mudharabah*, tertakluk kepada persetujuan bersama pihak-pihak yang berkontrak.

4.22 Merujuk kepada para 4.14 di atas, keuntungan dari kontrak *Mudharabah* yang ditamatkan hendaklah dibahagikan mengikut NPK yang dipersetujui.

4.23 Bagi satu kontrak *Mudharabah* yang melibatkan lebih dari seorang *Mudharib*, satu NPK hendaklah dipersetujui diantara *Rabbul Mal* dan kesemua *Mudharib*. Kesemua *Mudharib* hendaklah berkongsi bahagian keuntungan *Mudharib* sebagaimana dalam terma-terma yang dipersetujui.

4.24 Dalam kontrak *Mudharabah* yang berperingkat (*multi-tiered*), NPK di setiap peringkat hendaklah ditentukan dengan jelas.

4.25 NPK boleh divariasikan menurut perbezaan tempoh pelaburan, perbezaan jumlah modal atau pengeluaran modal secara pra-matang, dengan mengambilkira syarat bagi variasi tersebut telah dipersetujui oleh pihak-pihak yang berkontrak semasa memeterai kontrak *Mudharabah*.

4.26 *Mudharib* tidak boleh menjamin sebarang jumlah keuntungan.



- 4.27 Pihak-pihak berkontrak boleh bersetuju bagi syarat pemberian keuntungan kepada *Rabbul Mal* yang lebih rendah atau langsung tiada pemberian keuntungan sekiranya modal dikeluarkan sebelum matang usaha niaga *Mudharabah*.
- 4.28 Pihak-pihak yang berkontrak boleh bersetuju untuk menjadikan sebahagian keuntungan sebagai rizab.
- 4.29 Pihak-pihak yang berkontrak hendaklah bersetuju dari awal lagi bahawa pada bila-bila masa atau tempoh tertentu semasa tempoh kontrak berjalan, konsolidasi dan penyelarasan akhir hendaklah dibuat bagi menentukan jumlah keuntungan sebenar.

#### **Kerugian**

- 4.30 Kerugian hendaklah ditanggung oleh *Rabbul Mal* dan tidak melebihi jumlah modal yang disumbangkan.
- 4.31 *Mudharib* tidak boleh menanggung bagi sebarang kecacatan aset kecuali kerugian tersebut terbukti disebabkan oleh *Mudharib* kerana salah laku, cuai atau melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- 4.32 Bagi sebarang kerugian, *Mudharib* hendaklah menyatakan sebab-sebab berlakunya kerugian tersebut.
- 4.33 Bagi satu kontrak *Mudharabah* yang melibatkan beberapa *Rabbul Mal*, kerugian hendaklah ditanggung oleh setiap *Rabbul Mal* berdasarkan sumbangan modal.

### **5. PENYATUAN KONTRAK MUDHARABAH DENGAN KONTRAK SYARIAH YANG LAIN**

#### **Penyatuan kontrak Mudharabah dengan Wadi'ah, Wakalah atau Musyarakah**

- 5.1 Kontrak *Mudharabah* yang disatukan dengan kontrak *Wadi'ah*, *Wakalah* atau *Musyarakah* boleh terjadi apabila pihak-pihak yang berkontrak bersetuju untuk menggunakan sebahagian dari dana sebagai modal *Mudharabah* dan baki modal digunakan bagi kontrak *Wadi'ah*, *Wakalah* atau *Musyarakah* mengikut syarat-syarat dalam kontrak *Mudharabah* dari segi penggunaan dana dan hendaklah juga memerhatikan syarat-syarat penggunaan dana bagi kontrak *Wadi'ah*, *Wakalah* atau *Musyarakah*.
- 5.2 Rajah aliran penyatuan kontrak *Mudharabah* dengan kontrak *Wadi'ah*, *Wakalah* atau *Musyarakah* adalah sebagaimana di **Lampiran 2**.

#### **Penyatuan kontrak Mudharabah dengan Kafalah**

- 5.3 Kontrak *Mudharabah* dengan *Kafalah* ialah kontrak antara *Rabbul Mal* dengan *Mudharib* yang melantik pihak ketiga sebagai *Kaafil*.
- 5.4 *Rabbul Mal* boleh mensyaratkan *Mudharib* untuk mendapatkan *Kafalah* dari pihak ketiga dengan syarat-syarat seperti berikut:



- 5.4.1 *Kafalah* hendaklah dilaksanakan dalam kontrak berasingan;
- 5.4.2 *Kafalah* hendaklah digunakan bagi menampung sebarang kerugian atau berkurangnya modal; dan
- 5.4.3 *Kaafil* hendaklah bebas dari *Mudharib* sama ada secara langsung atau tidak langsung iaitu:
  - (a) *Mudharib* tidak mempunyai pemilikan majoriti; atau
  - (b) Mempunyai kawalan ke atas *Kaafil* dan juga sebaliknya.
- 5.5 Rajah aliran penyatuan kontrak *Mudharabah* dengan *Kafalah* adalah sebagaimana di **Lampiran 3**.

**Penyatuan kontrak *Mudharabah* dengan *Hibah***

- 5.6 Kontrak *Mudharabah* yang disatukan dengan *Hibah* hendaklah mengikut syarat-syarat berikut:
  - 5.6.1 *Hibah* tidak boleh bersumberkan dari modal *Rabbul Mal* atau dari bahagian keuntungannya; dan
  - 5.6.2 Peruntukan *Hibah* tidak boleh menjadi jaminan ke atas modal dan/atau menjamin keuntungan oleh *Mudharib*.

**Penyatuan kontrak *Mudharabah* dengan *Wa`d***

- 5.7 Kontrak *Mudharabah* yang disatukan dengan kontrak *Wa`d* boleh dilaksanakan seperti berikut:
  - 5.7.1 *Mudharib* berjanji untuk membeli aset *Mudharabah* apabila berlaku klausa tertentu yang tidak bercanggah dengan *Hukum Syara'* sepertimana yang dinyatakan dalam kontrak *Mudharabah*; atau
  - 5.7.2 *Wakeel* yang dilantik oleh *Mudharib* berjanji untuk membeli aset *Mudharabah* apabila berlaku klausa tertentu yang tidak bercanggah dengan *Hukum Syara'* sepertimana yang dinyatakan dalam kontrak *Mudharabah*.
- 5.8 Rajah aliran penggunaan kontrak *Mudharabah* dalam takaful adalah sebagaimana di **Lampiran 4**.
- 5.9 Rajah aliran penggunaan kontrak *Mudharabah* dalam Sukuk adalah sebagaimana di **Lampiran 5**.

**6. PEMBUBARAN KONTRAK *MUDHARABAH***

- 6.1 Kontrak *Mudharabah* boleh ditamatkan dalam keadaan-keadaan berikut:



- 6.1.1 Pembubaran oleh mana-mana pihak berkontrak sebelum *Mudharib* menjalankan urusan niaga tersebut;
- 6.1.2 Pihak-pihak yang berkontrak bersetuju untuk membubarkan kontrak kerana kematian atau *ghaib* atau kehilangan kompetensi *Mudharib* menurut *Syara`* atau undang-undang.


## **7. PENAMATAN KONTRAK *MUDHARABAH***

- 7.1 Kontrak *Mudharabah* adalah dikira tamat pada tarikh matang yang dipersetujui oleh pihak-pihak berkontrak.


**PENGARAH URUSAN  
BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK**

Tarikh dikeluarkan: 14 Muharram 1444 / 12 Ogos 2022


## LAMPIRAN 1: STRUKTUR KONTRAK MUDHARABAH



| Langkah | Keterangan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|---------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1       | Rabbul Mal menyediakan modal kepada Mudharib.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
| 2       | Mudharib sebagai usahawan akan mengurus modal kedalam usaha niaga Mudharabah.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
| 3       | Keuntungan yang dijana oleh usaha niaga tersebut akan dikongsi antara Rabbul Mal dengan Mudharib berdasarkan Nisbah Perkongsian Keuntungan (NPK) yang dinyatakan didalam kontrak. Manakala, sebarang kerugian akan ditanggung oleh Rabbul Mal kecuali apabila kerugian tersebut terjadi disebabkan oleh Mudharib salah laku, cuai atau melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan, maka ianya akan ditanggung oleh Mudharib. |

LAMPIRAN 2: AKAUN SIMPANAN BERDASARKAN KONTRAK *MUDHARABAH*

| Langkah | Keterangan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|---------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1       | Pelanggan ( <i>Rabbul Mal</i> ) mendeposit sejumlah wang ke dalam Bank atau Institusi kewangan ( <i>Mudharib</i> ) dengan menggunakan kontrak <i>Mudharabah</i> .                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
| 2       | Bank atau Institusi Kewangan akan melabur modal ke dalam usaha niaga yang patuh Syara' dengan menggunakan kontrak Syariah seperti <i>Wadi'ah</i> , <i>Wakalah</i> atau <i>Musyarakah</i> . Pihak-pihak yang berkontrak hendaklah mengikut syarat-syarat dalam kontrak <i>Mudharabah</i> dari segi penggunaan dana dan hendaklah juga memerhatikan syarat-syarat penggunaan dana bagi kontrak <i>Wadi'ah</i> , <i>Wakalah</i> atau <i>Musyarakah</i> .                                                                                            |
| 3       | Keuntungan yang dijana oleh usaha niaga tersebut akan dikongsi antara Bank atau Institusi Kewangan dengan Pelanggan berdasarkan Nisbah Perkongsian Keuntungan (NPK) yang dinyatakan didalam kontrak (sebagaimana yang digambarkan di atas sebagai X dan Y). Manakala, sebarang kerugian akan ditanggung oleh Pelanggan kecuali apabila kerugian tersebut terjadi disebabkan oleh Bank atau Institusi Kewangan salah laku, cuai atau melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan, maka ianya akan ditanggung oleh Bank atau Institusi Kewangan. |

LAMPIRAN 3: PEMBIAYAAN BERDASARKAN KONTRAK *MUDHARABAH*

| Langkah | Keterangan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|---------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1       | Pelanggan ( <i>Mudharib</i> ) memohon pembiayaan dari Bank atau Institusi Kewangan ( <i>Rabbul Mal</i> ) bagi usaha niaga dengan menggunakan kontrak <i>Mudharabah</i> .                                                                                                                                                                                                                         |
| 2       | Setelah membuat pemeriksaan yang sewajarnya, Bank atau Institusi kewangan akan memberikan dana pembiayaan (melabur) ke dalam usaha niaga tersebut.                                                                                                                                                                                                                                               |
| 3       | Bank atau Institusi kewangan boleh mensyaratkan pelanggan untuk mendapatkan <i>Kaafil</i> dari pihak ketiga.                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
| 4       | Pelanggan akan menggunakan modal bagi usaha niaga yang dipersetujui.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
| 5       | Keuntungan yang dijana oleh usaha niaga tersebut akan dikongsi antara Bank atau Institusi Kewangan dengan pelanggan berdasarkan Nisbah Perkongsian Keuntungan (NPK) yang dinyatakan didalam kontrak (sebagaimana yang digambarkan di atas sebagai X dan Y). Manakala pula, sebarang kerugian akan ditanggung oleh Bank atau Institusi Kewangan kecuali jika disebabkan oleh kesalahan pelanggan. |






apabila kerugian tersebut terjadi disebabkan oleh pelanggan salah laku, cuai atau melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan, maka ianya akan ditanggung oleh pelanggan.

#### LAMPIRAN 4: STRUKTUR TAKAFUL BERDASARKAN MUDHARABAH

Keterangan:


————> Pemindahan aset

-----> Aliran wang





| Langkah | Keterangan                                                                                                                             |
|---------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1       | Pengendali takaful akan menerima sumbangan takaful dari peserta.                                                                       |
| 2       | Sumbangan takaful akan dibahagi kepada dua (2) dana iaitu dana risiko (dana <i>tabarru'</i> ) dan dana pelaburan.                      |
| 3       | Pengendali takaful akan bertindak sebagai <i>Mudharib</i> bagi dana pelaburan dan melabur kedalam pelaburan yang patuh <i>Syara'</i> . |
| 4       | Pengendali takaful akan menggunakan dana risiko bagi perbelanjaan operasi, tuntutan, re-takaful dan rizab.                             |
| 5       | Lebih keuntungan dari dana takaful adalah lebih <i>underwriting</i> . Lebih bersih merangkumi lebih dan keuntungan dari pelaburan.     |
| 6       | Lebih bersih akan dibahagikan kepada peserta-peserta.                                                                                  |
| 7       | Upah prestasi boleh diberikan kepada pengendali takaful tertakluk kepada penglulusan Badan Penasihat Syariah Pengendali Takaful.       |

LAMPIRAN 5: STRUKTUR SUKUK *MUDHARABAH*

| Langkah | Keterangan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|---------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1       | Penerbit Sukuk ( <i>Mudharib</i> ) menjemput Pelabur ( <i>Rabbul Mal</i> ) untuk masuk kedalam usaha niaga <i>Mudharabah</i> .                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
| 2       | <p>Penerbit Sukuk menerbitkan Sukuk <i>Mudharabah</i> yang mewakili pemilikan sama rata dalam usaha niaga <i>Mudharabah</i> membuktikan jumlah sumbangan modal.</p> <p>Pelabur boleh melaksanakan janji penjualan [<i>sale undertaking</i>] untuk menjual hak manfaat portfolio Sukuk kepada penerbit Sukuk apabila berlaku klausa tertentu sepertimana yang dinyatakan dalam kontrak <i>Mudharabah</i>.</p> <p>Pelabur boleh mensyaratkan penerbit Sukuk untuk mendapatkan <i>Kafalah</i> dari pihak ketiga</p> |
| 3       | Pelabur akan melanggan Sukuk <i>Mudharabah</i> dan membayar perolehan Sukuk kepada Penerbit Sukuk.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
| 4       | <i>Mudharib</i> akan melabur modal <i>Mudharabah</i> (perolehan Sukuk) kedalam usaha niaga yang dipersetujui.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |



5

Keuntungan yang dijana oleh usaha niaga tersebut akan dikongsi antara Penerbit Sukuk dengan Pelabur berdasarkan Nisbah Perkongsian Keuntungan (NPK) yang dinyatakan didalam kontrak (sebagaimana yang digambarkan di atas sebagai X dan Y). Manakala, sebarang kerugian akan ditanggung oleh Pelabur kecuali apabila kerugian tersebut terjadi disebabkan oleh penerbit Sukuk salah laku, cuai atau melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan, maka ianya akan ditanggung oleh penerbit Sukuk.